



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
KHAMIS 14 MEI 2026**

BIL.	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	INISIATIF AGRO PENJAJA-I MANFAAT 700,000 PENIAGA, NASIONAL, BERITA HARIAN, M/S – 15	AGROBANK
2.	700,000 LICENSED TRADERS BENEFIT FROM PENJAJA-I INITIATIVE, NATION, THE STAR, M/S – 5	
3.	PARAS AIR TIGA EMPANGAN MADA MASIH BAWAH 40%, DALAM NEGERI, UTUSAN MALAYSIA, M/S – 28	LAIN – LAIN
4.	MAKANAN TERNAKAN NAIK, PENIAGA DILEMA TETAPKAN HARGA IKAN SANGKAR, DALAM NEGERI, UTUSAN MALAYSIA, M/S – 28	
5.	300 GUNI BERAS SIAM TIDAK SEMPAT KE KL, NEGARA, KOSMO, M/S – 12	
6.	LEMBU THAILAND, LOKAL, HARIAN METRO, M/S – 6	
7.	REZEKI MELON, LOKAL, HARIAN METRO, M/S – 8	
8.	INSENTIF PESAWAH DIUMUM 2024, HINGGA KINI TIADA PERKEMBANGAN, KEDAH, HAKAKAH, M/S – 16	
9.	PESAWAH ITU ASET, BELA DAN ANGKATLAH DARJAT MEREKA, DALAM NEGERI, UTUSAN MALAYSIA, M/S – 2	

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

Inisiatif Agro Penjaja-i manfaat 700,000 peniaga

Tawar pinjaman hingga RM100,000 serta khidmat nasihat percuma

Oleh Rafidah Mat Ruzli
bhnews@bh.com.my

Putrajaya: Kira-kira 700,000 penjaja berdaftar di bawah gabungan penjaja di seluruh negara, boleh memanfaatkan inisiatif komprehensif Agro Penjaja-i yang dilancarkan semalam.

Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Agrobank, Datuk Tengku Ahmad Badli Shah Raja Hussin, berkata program itu menyasar peniaga kecil, khusus-

nya penjaja yang antara lain menawarkan pembiayaan dan khidmat nasihat serta simpanan pengurusan kewangan secara digital.

Belliau berkata, Agrobank juga menawarkan pinjaman antara RM5,000 hingga RM100,000 bagi membantu penjaja mengembangkan perniagaan masing-masing, selain bantuan peralatan bagi memantapkan lagi perniagaan.

Katanya, Agrobank juga memberi hibah ataupun keuntungan kepada simpanan dalam Agrobank Akaun Penjaja-i dan sera dilindungi oleh takaful serendah RM10 sebulan.

"Kita juga memberi perkhususan *green lane* kepada pemprosesan Ar-Rahnu sehingga RM300,000, dengan kadar istimewa serta mendapat sedikit profit atau keuntungan daripada sim-

panan penjaja.

"Antara terma dan syarat perlu dipenuhi mereka perlu berdaftar dengan gabungan penjaja dan pihak berkuasa tempatan (PBT) untuk menjalankan aktiviti perniagaan sebagai penjaja," katanya pada sidang media selepas pelancaran Agro Penjaja-i yang disempurnakan Menteri Pertanian Dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu di Kementerian itu, semalam.

Bantu urus kewangan

Tengku Ahmad Badli Shah berkata, kelulusan akan dibuat berdasarkan kepada kemampuan bayaran dan keperluan penjaja itu sendiri, walaupun mereka juga mendapat pembiayaan agensi kerajaan.

Belliau berkata, selain itu inisiatif Agro Penjaja-i juga mena-



Mohamad melancarkan Agro Penjaja-i di Putrajaya, semalam. Turut sama, Tengku Ahmad Badli Shah (dua dari kiri). (Foto BERNAMA)

warkan khidmat nasihat secara percuma dan bimbingan individu selama tiga bulan, untuk membantu penjaja dalam pengurusan kewangan dan pemasaran.

Terdahulu, ketika berucap, Mohamad berkata, pelancaran inisiatif Agro Penjaja-i amat bertepatan dengan inspirasi Kerajaan MADANI untuk membantu penjaja dan usahawan untuk menempuh pelbagai cabaran akibat

krisis tenaga global ketika ini. "Apabila berlaku perubahan global ini semua pihak termasuk pegerusi, pegawai bank dan pegawai di Kementerian mencari jalan bagaimana memudah acara menggerakkan ekonomi, terutama ekonomi golongan B40 dan M40.

"Kita sadar bahawa golongan penjaja memainkan peranan sangat penting dalam rangkaian ekonomi negara," katanya.

14/5/2026

BERITA
HARIAN

NASIONAL

MUKA
SURAT

15

14/5/2026

THE STAR

NATION

5

700,000 licensed traders benefit from Penjaja-i initiative

By QISTINA SALLEHUDDIN
qistina.atikah@thestar.com.my

PETALING JAYA: About 700,000 licensed traders under various hawkers' associations stand to benefit from Agrobank's Agro Penjaja-i initiative launched to strengthen micro-entrepreneurs amid global economic uncertainties.

Agrobank Group president and chief executive officer Datuk Tengku Ahmad Badli Shah Raja Hussin said the initiative, launched yesterday, targets small traders, particularly hawkers, by offering financing, advisory services and digital financial management and savings solutions.

"Through the initiative, traders and micro-entrepreneurs will be able to enjoy various benefits and special facilities, including micro financing schemes of up to RM100,000 and a Cashline-i credit facility of up to RM5,000.

"Agrobank also offers hibah or returns on savings under the Agro Penjaja-i account, which is additionally protected by free takaful for the first 3,000 new customers for a year.

"We also provide a green lane for Ar-Rahnu processing of up to RM300,000 with special rates and returns on traders' savings.

"Among the terms and condi-



Good Initiative: Mohamad (centre) launching Agro Penjaja-i at Wisma Tani in Putrajaya. With him are (from left) Nurul Naquiyum, Tengku Ahmad Badli Shah, Yuswan and Mohd Haniff. — AZMAN GHANI/The Star

tions, applicants must be registered with a hawkers' association and a local authority to carry out business activities as traders," he said at the launch of the Agro Penjaja-i programme.

He said approvals would be based on repayment capacity and the needs of individual traders, including those receiving financing from government agencies.

Agriculture and Food Security (KPKM) Minister Datuk Seri Mohamad Sabu, who launched

the programme, said it aligns with Prime Minister Datuk Seri Anwar Ibrahim's call for banks, government-linked companies and government-linked investment companies to ease the burden of small traders.

At a press conference later, he said the government is anticipating a possible increase in the prices of goods in the second half of the year due to the escalating conflict in the Middle East.

He said early intervention

feed costs.

"Among current concerns is the rising cost of grain corn and soybeans, which are the main ingredients used in chicken feed.

"As such, there may be changes in prices. We will monitor the situation closely for any developments," he said.

Mohamad said Malaysia is still dependent on imports of animal feed grains from various countries, including Brazil and Argentina, while rice supplies are imported from Pakistan, India and Bangladesh.

He also said the Federal Agricultural Marketing Authority is currently dealing with a surplus of vegetables in several areas.

"Vegetable supply has seen a glut in Cameron Highlands where farmers have had to intervene by purchasing excess produce or finding solutions," he said, adding that the country's rice stock remains sufficient until the end of the year.

Also present were the ministry's Senior Undersecretary (management) Yuswan Yunus, Food and Agro-based Industry Undersecretary Datuk Dr Mohd Haniff Hassan, and the Federation of Malay Hawkers and Small Traders Associations representative Nurul Naquiyum Masirin.

measures are being intensified to safeguard the country's food security and supply chain, including the expansion of the aquaculture sector as a backup source of protein supply.

"We are focusing on aquaculture as an alternative source of protein supply in the event of disruptions caused by the conflict," he said.

He also said the impact of the global energy crisis has affected shipping, fertiliser and animal

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
14/5/2026	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	28

Paras air tiga empangan MADA masih bawah 40%

Oleh **MUHAMAD AIMY AHMAD**
 utusannews@mediamulla.com.my

ALOR SETAR: Paras takungan air di tiga empangan di bawah Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) masih berada di bawah paras 40 peratus meskipun taburan hujan berlaku di negeri ini sejak minggu lalu.

Semakan *Utusan Malaysia* mendapati, ketiga-tiga empangan iaitu Empangan Pedu, Muda dan Ahning mencatatkan paras takungan terkini sebanyak 39.83 peratus atau 487,136 ekar kaki.

Mengikut pecahan, takungan Empangan Pedu berada pada paras 355,585 ekar kaki atau 40.64 peratus dengan sifar jumlah pelepasan air ketika ini.

Manakala, Empangan Muda dan Ahning masing-masing merekodkan takungan berjumlah 16,450 ekar kaki (13.16 peratus) dan 115,101 ekar kaki (51.61

peratus) dengan kedua-duanya juga sifar pelepasan air.

Sebelum ini, MADA memaklumkan takungan semasa yang berada pada tahap rendah dan belum mencapai kapasiti yang selesa tidak dapat menyokong sepenuhnya pengairan tanaman padi.

Sementara itu, Pengerusi Badan Bertindak Petani di Kawasan MADA, Che Ani Mat Zain berkata, situasi itu menimbulkan kebimbangan dalam kalangan pesawah yang memerlukan bekalan air mencukupi untuk penanaman padi.

“Keadaan ini antara dua isu utama yang dihadapi para pesawah di Kedah hari ini, selain faktor kos yang tinggi bekalan air juga memainkan peranan yang cukup besar untuk membolehkan padi ditanam.

“Sebab itu ketika MADA mengineyorkan agar dilaksanakan

kaedah tabur terus kering (TTK), ramai pesawah yang membantah dan tidak akan mengikut saranan itu kerana risiko yang amat tinggi,” katanya ketika dihubungi semalam.

Seorang pesawah, Ridzuan Mansor, 54, berkata, keadaan itu boleh menjejaskan jadual tanaman sekiranya paras air terus menyusut dalam tempoh terdekat.

Menurutnya, pesawah kini amat bergantung kepada pelepasan air dari empangan untuk memastikan kerja mengerjakan sawah dapat dilakukan mengikut jadual.

“Kalau air tidak cukup, ramai pesawah mungkin terpaksa tangguh lagi tanam padi sebab apabila sudah keluar modal yang sedia tinggi ketika ini, kami berdepan pula risiko padi tidak menjadi kalau bekalan air tidak menentu,” katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
14/5/2026	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	28

Makanan ternakan naik, peniaga dilema tetapkan harga ikan sangkar

JERANTUT: Harga makanan ikan patin dan tilapia yang naik mendadak ekoran kenaikan harga diesel menyebabkan penternak dan penjual hasil ternakan itu di Sungai Pahang di daerah ini, mula tertekan serta serba salah mengenai penetapan harganya.

Penternak dan penjual ikan sangkar Kampung Jerantut Feri, Mohd. Ali Mat Isa, 48, berkata, harga satu beg makanan ikan seberat 20 kilogram kini mencecah RM90 berbanding sebelum ini cuma antara RM80 hingga RM84.

“Sejak kenaikan minyak diesel, harga makanan ikan melambung lapan peratus yang menyebabkan kalangan penternak dan penjual tertekan daripada segi kewangan.

“Mahu tidak mahu saya terpaksa berbelanja hampir RM10,800 sebulan menyediakan 120 beg makanan untuk 60,000 ekor peliharaan ikan patin dan tilapia di 15 buah sangkar di Sungai Pahang,” katanya kepada *Utusan Malaysia* di sini.

Menurut Mohd. Ali, berbanding sebelum kenaikan harga diesel, dia cuma berbelanja RM9,600 untuk 120 beg ma-



MOHD. Ali Mat Isa menunjukkan ikan tilapia yang dijual pada harga RM22 sekilogram walaupun kos pengurusan meningkat akibat kenaikan harga diesel di Kampung Jerantut Feri di Jerantut, Pahang. - UTUSAN/HARIS FADILAH AHMAD

kanan ikan dalam tempoh sebulan.

“Selepas kenaikan diesel, setiap minggu saya berbelanja 30 beg makanan dengan harga RM2,700 ditambah mengupah pekerja melibatkan pengurusan keseluruhan meningkat hampir RM3,500,” katanya.

Dia berkata, bagaimanapun harga sekilogram ikan patin dan

ikan tilapia di gerainya terletak di pekan Jerantut Feri masih kekal RM22 sekilogram selepas kerajaan mengumumkan kenaikan harga diesel.

Dalam pada itu, Mohd. Ali memberitahu, dia juga berdepan dengan kenaikan kos upah pengangkutan untuk menghantar ternakan komersial itu ke Lembah Klang dan tempat lain.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
14/5/2026	KOSMO	NEGARA	12



SEBUAH lori Nissan UD yang ditahan dalam Op Taring Bravo 4 di Jalan Gerik-Kuala Kangsar, Perak awal pagi semalam.

300 guni beras Siam tidak sempat ke KL

PETALING JAYA – Cubaan menyeludup masuk 300 guni beras dipercayai dari negara jiran tumpas apabila sebuah lori ditahan dalam Op Taring Bravo 4 di lampu isyarat Simpang Tiga Felda Papulut, Kilometer 69 Jalan Gerik-Kuala Kangsar, Perak awal pagi semalam.

Serbuhan kira-kira pukul 6 pagi itu dijalankan Bahagian Wildlife Crime Bureau/Perisikan Siasatan Khas (WCB/PSK), Jabatan Keselamatan Dalam Negeri dan Ketenteraman Awam (JKDNKA) Bukit Aman.

Komander WCB/PSK JKDNKA Bukit Aman, Datuk Mohd. Zaki Ashar berkata, operasi itu berjaya tumpaskan rangkaian penyeludupan beras tidak bercukai selain mengekang kemasukan bekalan menggunakan jalan tidak sah.

“Pihak kami akan terus mempergiat operasi risikan dan penguatkuasaan bagi membanteras aktiviti penyeludupan yang menyalahi undang-undang serta boleh

menjejaskan ekonomi negara,” katanya dalam kenyataan semalam.

Beliau berkata, seorang lelaki tempatan berusia 41 tahun ditahan bersama sebuah lori jenis Nissan UD dipercayai membawa muatan beras seludup.

“Hasil pemeriksaan mendapati suspek gagal mengemukakan sebarang dokumen berkaitan pemilikan beras berkenaan. Turut dirampas sebuah lori Nissan UD seberat 25,000 kilogram dan sebatang anak kunci lori.

“Nilai keseluruhan rampasan dianggarkan RM184,000 dengan nilai rampasan beras sahaja berjumlah RM69,000,” katanya.

Ujarnya, kes disiasat mengikut Seksyen 20 Akta Kawalan Padi dan Beras 1994 (Akta 522) dan semua tangkapan serta rampasan diserahkan kepada Agensi Kawal Selia Padi dan Beras Perak untuk tindakan lanjut.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
14/5/2026	HARIAN METRO	LOKAL	6



Lembu Thailand

PENTERNAK, Mohd Rasol Ismail, 36, menguruskan lembu ternakannya di Kampung Padang Pulut, Dungun. Mohd Rasol terpaksa mengimport lembu dari Thailand bagi menampung permintaan tinggi di pasaran sempena sambutan Aidiladha tahun ini. Mohd Rasol berkata, proses membawa masuk lembu import yang sudah menjalani pemeriksaan rapi Jabatan Perkhidmatan Veterinar itu dilakukan secara berperingkat sejak awal tahun susulan bekalan lembu tempatan tidak mencukupi.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
14/5/2026	HARIAN METRO	LOKAL	8



Rezeki melon

SERING dianggap sebagai bidang yang meletihkan dan tidak menjamin masa depan, bidang pertanian kini mula menjadi lubuk rezeki termasuk buat usahawan muda, Muhammad Farez Aiman Marzuki yang mengusahakan ladang melon premiumnya di Kampung Paya Sena, Pendang. Graduan jurusan pengurusan Universiti Teknologi MARA (UiTM) berusia 27 tahun yang mengusahakan ladang melon sejak tahun lalu itu kini memiliki kira-kira 1,500 pokok melon yang ditanam di dalam rumah hijau.

Insentif pesawah diumumkan 2024, hingga kini tiada perkembangan

Oleh **SARINA ISMAIL**

POKOK SENJA: Kerajaan dituntut agar mewujudkan solusi baharu bagi menangani isu pesawah di mana terbelenggu dengan kenaikan kos operasi yang teruk, bukannya memainkan naratif insentif 2024 seolah-olah masalah tersebut telah diselesaikan.

Pengerusi Pertubuhan Persaudaraan Pesawah Malaysia (PeSAWAH), Abdul Rashid Yob berkata, sekarang ini petani berhadapan dengan masalah yang lebih teruk dengan kenaikan harga diesel dan kerajaan perlu melihat semula tuntutan petani ini secara holistik.

Termasuk katanya, tuntutan harga lantai bermaruah, RM3,000 satu metrik tan dan 'fleet card' kepada tanaman padi bagi mendapatkan bekalan diesel pada harga subsidi.

Walaupun sekarang ujarannya, sudah memasuki bulan Mei, namun proses penanaman masih belum boleh dimulakan selagi isu utamanya iaitu kos operasi tidak menemui jalan penyelesaian.

"Sebelum ini, Menteri Ekonomi umum kepada petani untuk bantuan BUDI Agri-komoditi dan BUDI Mysubsidi Diesel. Kami alu-alukan tetapi syarat-syarat yang dikena-

kan memungkinkan pesawah gagal mendapat manfaatnya.

"Antara syaratnya, pendapatan mestilah RM50,000 ke atas, perlu kad perakuan kenderaan berusia 10 tahun ke bawah sedangkan tiada pesawah yang mempunyai kenderaan berusia 10 tahun ke bawah.

"Kalau yang dapat pun, daripada jumlah 200,000 pesawah, dalam seorang dua sahaja, itupun mungkin dia ada perniagaan lain. Kalau buat bendang (sahaja) rasanya tidak mampu tepati syarat itu," katanya agak kesal.

Jelas Abdul Rashid lagi, sebelum ini Kementerian Kewangan telah mengumumkan kenaikan harga pembaja-

kan daripada RM160 kepada RM300 tetapi jumlah itu masih tidak boleh menampung kos dua putaran tanah bendang yang menelan kos hampir RM1,400.

"Jumlah RM300 dengan RM1,400 tu jurangnya sangat besar.

Sekarang ini kami terpaksa tanggung sendiri kos dua putaran itu dan tidak tahu pula bila kerajaan akan bayar," katanya lagi.

Perkara itu diluahkan beliau ketika ditemui media pada Himpunan Aman Petani, Tuntutan Harga Lantai Padi dan Isu 'Fleet Card', yang diadakan Kampung Setoi, di sini.

Maklumnya lagi, para pesawah tidak ceburu dengan

kelebihan yang diperolehi oleh nelayan dan penanam sayur atas jaminan harga diesel secara subsidi.

Tetapi yang menghairan pihaknya, para petani hanya menerima pemberian diesel 20 liter selain perlu permohonan permit khas, berbanding nelayan dan penanam sayur yang mendapat permit khas secara pukal sebanyak 50 liter.

"Nak makan protein banyak atau nak makan sayur banyak? Antara sayur dengan beras, mana yang lebih penting untuk dimakan?" soal beliau melepaskan kekesalan di hati.

Dalam masa yang sama tegasnya, pesawah juga turut

menuntut agar penyelarasan diesel yang diumumkan pada 2024 lalu, dibayar segera kerana sehingga kini, ia belum ditunaikan walaupun sudah menjangkau dua tahun.

"Sebelum ini pada 2024, kerajaan mengumumkan penyelarasan diesel RM50 sehektar untuk penuaian padi. Sekarang ini satu hektar kosnya sudah meningkat ke RM875.

"(Jurang antara) RM50 dengan RM875 sangat besar, itu pun tidak dibayar lagi hingga sekarang, sebab itu petani marah. Umum 2024, bayangkan sudah berapa musim dan sudah berapa tahun.

"Itu sebab bagi kami isu yang pesawah tuntut ini ada alasan yang kukuh," jelasnya selain tuntutan 'fleet card' pada 2024, juga belum dipenuhi.

Pihaknya dimaklumkan, penyelarasan diesel akan ditunaikan bermula Januari 2025, sedangkan kenaikan harga bahan bakar itu telah berlaku pada 2024.

"Petani terpaksa keluarkan duit sendiri sekarang ini. Naratif yang dibawa oleh kerajaan seolah-olah masalah petani telah diselesaikan, perlu diperbetulkan kepada rakyat," katanya lagi.



Suasana Himpunan Aman PeSAWAH di Pokok Sena, Kedah.



TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
14/5/2026	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	2

Minda Pengarang

YULPISMAN ASLI



Pesawah itu aset, bela dan angkatlah darjat mereka

SELEPAS hilang untuk sekian lama, beras tempatan akhirnya dilihat kembali di pasaran. Namun, tidak dapat dipastikan bekalan beras tempatan itu boleh dibeli di semua pasar raya dan kedai di seluruh negara.

Bagi pengguna, beras yang dijual RM26 untuk sekampit 10 kilogram, membantu mereka mendepani pelbagai kenaikan kos yang lain. Ia turut membantu ramai peniaga terutama peniaga nasi lemak dan nasi ayam.

Justeru, pengorbanan pesawah terus membanting tulang menanam padi, perlu dihargai. Jika tiada lagi yang sanggup turun ke bendang, berjemur setiap hari di bawah terik mentari, negara terpaksa berbelanja lebih besar untuk mendapatkan makanan termasuk beras import bagi memenuhi keperluan berjuta rakyat. Itupun jika ada negara yang sedia membekalkan beras walau dalam apa kondisi, dan Malaysia pula mempunyai kewangan yang kukuh. Bagaimana jika situasi sebaliknya berlaku?

Negara dilaporkan membelanjakan lebih RM70 bilion setahun untuk kos import makanan termasuk beras, gandum, daging dan susu. Kos dijangka meningkat saban tahun disebabkan pelbagai faktor.

Untuk itu, pelbagai isu yang dihadapi pesawah seperti diluahkan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) PeSAWAH dalam temubual bersama *Utusan Malaysia* kelmarin, perlu ditangani secara total oleh pihak kerajaan melalui Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan.

Masalah harga lantai padi yang dibangkitkan misalnya, perlu diatasi segera. Jangan dibiarkan ia berlarutan yang hanya melemahkan semangat pesawah. Dengan peningkatan pelbagai kos operasi, masih wajarkah harga RM1,500 per tan metrik?

Kerajaan dilapor memperuntukkan sebanyak RM15 bilion tahun ini untuk melaksanakan pelbagai program membawa rakyat keluar daripada kepompong kemiskinan. Jumlah itu pasti meningkat setiap tahun sekiranya kelompok berkenaan masih gagal dikeluarkan daripada kemiskinan.

Rata-rata pesawah dan petani dilaporkan dalam kumpulan ini. Dapatkah mereka keluar daripada kepompong kemiskinan sekiranya pendapatan tidak meningkat? Bagaimana pendapatan mereka hendak meningkat jika harga lantai belian padi di bawah paras gaji minimum? Sungguh ironi, di sebalik beras makanan ruji penduduk, usaha mengangkat darjat dan membela nasib golongan pesawah masih gagal dilaksanakan secara total.

Seperkara lagi yang perlu diberi perhatian, jumlah pesawah yang ada amat kecil berbanding jumlah penduduk Malaysia. Berdasarkan data terkini, bilangan pesawah di Malaysia sekitar 200,000 hingga 230,000 orang. Majoriti iaitu 87.4 peratus, mengusahakan sawah secara individu. Khabarnya, rata-rata sudah berusia dan tiada pelapis.

Mengambil kira kondisi dunia yang tidak pernah aman dengan pelbagai konflik geopolitik dan ancaman wabak penyakit, golongan pesawah ini adalah aset yang perlu dibela serta diangkat kedudukan mereka. Mereka menyediakan makanan untuk kita dan usaha mereka perlu dibantu.

Sektor pertanian khususnya industri padi adalah jaminan keselamatan negara. Pemodenan dan penglibatan generasi muda pula akan memajukan sektor ini seterusnya membantu negara mengurangkan kos import makanan. Peggantungan kepada tenaga kerja asing juga boleh dikurangkan.

Memodenkan industri padi negara dan membela nasib petani ibarat menyediakan payung sebelum hujan. Jika tidak pun hujan, payung tetap berguna ketika musim kemarau.

Yulpisman Asli adalah Pengarang Berita *Utusan Malaysia*